

Article Info:

Received Date: 29 September 2019

Accepted Date: 02 October 2019

Published Date: 10 October 2019

Corresponding Author:

fareez.vincent@fskik.upsi.edu.my

SENI SEBAGAI TERAPI BANDUAN MELALUI PROGRAM KREATIF SENI DI PENJARA MALAYSIA

Art as an Inmates Therapy through the Creative Art Program in Malaysian Prison

Fareez Vincent Amos

Mohd Zahuri Khairani

Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif

Universiti Pendidikan Sultan Idris

fareez.vincent@fskik.upsi.edu.my

Abstrak

Kajian rintis yang dilaksanakan ini merupakan program seni sebagai terapi melalui program seni kreatif di penjara Kajang Malaysia. Ia terdiri daripada aktiviti melukis menggunakan pelbagai medium seni yang melibatkan 20 orang banduan lelaki dan 20 orang banduan wanita berumur antara 21 hingga 63 tahun. Tempoh program ini adalah selama 12 minggu dan 3 jam bagi setiap sesi. Rangka kerja untuk program ini disediakan hasil dari tinjauan literatur dan input dari sesi temubual berstruktur yang dijalankan dengan pakar psikologi dari Universiti Utara Malaysia (UUM) serta pegawai psikologi penjara dari Pusat Koreksional Perlis. Program akan dijalankan di bengkel vokasional penjara berdasarkan tema spesifik menggunakan medium seni seperti kertas lukisan, pen dakwat dan cat air. Kajian ini juga membincangkan tentang kaedah untuk memperkenalkan rangka program yang dicadangkan di penjara Malaysia. Aktiviti seni sebagai terapi dalam program ini bermula dengan sesi pengenalan dan beberapa latihan untuk menerangkan cara penggunaan medium seni. Aktiviti mingguan dilaksanakan berdasarkan kepada tema tertentu. Setiap hasil karya oleh banduan ini akan didokumenkan dan direkodkan.

Kata kunci: Banduan, Seni Sebagai Terapi, Program Kreatif Seni

Abstract

This pilot study is to implement art as therapy through creative art program in the Kajang Malaysian prisons. It consists of drawings using various art medium which involves 20 male and 20 female prisoners of aged between 21 to 63 years old. The duration is 12 weeks for about 3 hours for each session. The framework for this program was prepared from the results of past literature reviews and inputs from structured interview sessions conducted with psychology experts from University Utara Malaysia (UUM), and psychology prison officer from Perlis Correctional Centre. The proposed program shall be conducted in the prison vocational workshop and these activities will be carried out based on specific themes using mediums such as drawing paper, marker pens and watercolour. This paper shall discuss on the method to introduce the proposed program in Malaysian prisons and the framework of the program. The art as therapy in this program starts with an introductory session to show and explain how to use the art mediums and some exercises. Then it shall proceed with a weekly activity based on a specific theme. Each work created by these inmates will be documented and their reflections on these activities will be documented and their reflections on these activities will be recorded.

Keywords: *Inmates, Art as Therapy, Creative Art Program*

PENDAHULUAN

Terapi seni merupakan proses kreatif yang menterjemahkan pemikiran dan perasaan seseorang dengan menggunakan seni sebagai medium untuk berkomunikasi (Farokhi, 2011; Gussak, 2007; Malchiodi, 2003; Rubin, 2001; Bowdler, 1998). Selain itu, terapi seni juga merupakan alat fleksibel yang dapat membantu individu dari aspek bantuan emosi, merawat trauma, menyelesaikan masalah dan meningkatkan kesejahteraan hidup (Malchiodi, 2003). Terapi seni banyak diperkenalkan untuk membantu individu yang terdiri daripada kanak-kanak dan orang dewasa di organisasi seperti penjara, hospital, sekolah dan sebagainya (Akila & Nandagopal, 2015; Nguyen, 2015; Pratt, 2003; Malchiodi, 2003).

Penggunaan terapi seni didalam penjara juga telah mendapat sokongan daripada sebilangan pengkaji dan pakar terapi (Anderson, 2015; Beaumont, 2012; Breiner et al., 2012; Brewster, 2014; Gardner et al., 2014; Gussak, 2009; Levy, 1978). Kehidupan didalam penjara boleh menyebabkan masalah psikologi dan memburukkan keadaan yang sedia ada (Morgan, 1981). Terdapat juga banduan yang mengalami masalah tidak tahu membaca yang membataskan mereka dalam berkomunikasi sehingga memberi gangguan mental, emosi, dan masalah fisiologi (Gussak, 1997). Perkara ini perlu diambil serius bagi mengelakkan kesihatan mental seperti kemurungan yang bertambah teruk dan dapat dilihat bahawa satu rawatan berbentuk ekspresi kreatif dan artistik terhadap banduan perlu dilaksanakan di penjara (Gussak, 1997, 2004; Hanes, 2005; Kornfeld, 1997; Ursprung, 1997). Maka, program berasaskan seni yang pertama di penjara berjudul *Arts in Prison* yang berpusat di California telah ditubuhkan dan merupakan kolaborasi seniman profesional untuk mengajar banduan dalam bengkel seni (Brewster, 2014).

Penjara di Norway yang telah melaksanakan program pendidikan seni juga menyatakan bahawa seni adalah penyumbang kepada pembangunan diri melalui peningkatan motivasi, kemahiran sosial dan kehidupan (Langelid, Maki, Raundrup, Svensson, 2009). Program seni dipenjara juga membuka peluang kepada banduan bagi mendekati masyarakat dengan terhasilnya karya seni mereka bagi tujuan jualan komersial (Brewster, 1983, 2012; Schrifft, 2006, 260-2). Secara khususnya, kajian ini hanya berfokus kepada terapi seni untuk banduan dewasa di penjara dalam membina ketenangan dan kesejahteraan hidup yang bermakna.

Jadual 1 Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan)


Sumber: Jabatan Penjara Malaysia

Peratusan Markah	Gred	Nilaian Gred PGNK
80-100	A	4.00
70-79	B	3.00
60-69	C	2.00
59 ke bawah	D	1.00

PROGRAM TERKINI DI DALAM PENJARA MALAYSIA

Pelan Pembangunan Insan (PPI) di Penjara Malaysia merupakan satu pelan yang dirangka bagi tujuan aktiviti pemulihan banduan dan dibina berasaskan sistem yang mengandungi empat fasa iaitu Fasa Orientasi, Fasa Pengukuhan, Fasa Kemahiran dan Fasa Pra Bebas. Fasa Orientasi merupakan fasa pembentukan disiplin banduan melalui latihan fizikal selama dua bulan. Fasa Pengukuhan pula adalah program yang bersifat keagamaan seperti halaqah Al-Quran bagi banduan yang beragama Islam dan program yang bersifat kerohanian bagi banduan yang bukan beragama Islam.

Fasa Kemahiran pula, banduan yang terpilih adalah banduan yang menjalani hukuman di penjara sekurang-kurangnya dua tahun. Fasa ini turut dibantu oleh beberapa agensi yang membolehkan kemahiran tersebut dipersijilkan dan diiktiraf. Modul utama yang terdapat dalam program ini ialah Modul Kemahiran Bersijil, Modul Vokasional dan Model Usaha didalam penjara. Fasa ini dikemaskinikan kepada penghuni yang melepasi Fasa I dengan memperoleh PGNK 3.0 dan ke atas seperti contoh pada **Jadual 1**. Penghuni yang terlibat dalam fasa ini perlu mengikuti aktiviti pemulihan yang ditetapkan, iaitu dua jam seminggu. Tempoh dalam fasa ini juga tidak menentu kerana bergantung pada bidang kemahiran yang diikuti oleh banduan tersebut. Fasa yang seterusnya iaitu Fasa Pra Bebas pula adalah penghuni yang mempunyai baki hukuman tidak melebihi satu tahun dan telah melalui semua elemen fasa sebelum dibebaskan.



Rajah 1 Program Pembangunan Insan (PPI) Pride
Sumber: Jabatan Penjara Malaysia

Secara kesimpulannya, berdasarkan Program Pembangunan Insan (PPI) seperti pada **Rajah 1**, dapat dilihat bahawa program kreatif seni yang berunsurkan seni sebagai terapi sesuai dilaksanakan dibawah Fasa Kemahiran kerana tempoh fasa ini antara fasa yang lama dan melibatkan aktiviti bengkel yang bersesuaian dengan program ini.

METODOLOGI

TEMUBUAL BERSTRUKTUR

Kajian yang menggunakan kaedah temubual secara berstruktur ini akan melibatkan 3 orang pakar psikologi yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang terapi seni di penjara. Tujuan temubual ini adalah untuk mendapatkan lebih banyak maklumat tentang program penjara secara terperinci. Pakar-pakar ini adalah dari latar belakang psikologi dan kajian koreksional. Sebanyak 10 soalan diberikan kepada ketiga-tiga orang panel berkaitan perkongsian pengalaman mereka dalam bidang terapi seni di penjara dan program kreatif seni yang berunsurkan seni sebagai terapi.

Soalan Temubual Berstruktur

Pengalaman Pakar Psikologi Dalam Bidang Terapi Seni Di Penjara

S1	Bolehkah anda berkongsi pengalaman projek terapi anda di penjara?
S2	Apakah aktiviti yang telah dijalankan?
S3	Bagaimana caranya program ini membantu banduan untuk memberi kelegaan pada diri mereka?
S4	Apakah jenis kaedah yang digunakan untuk meneroka emosi banduan?
S5	Bagaimana program terapi membantu memulihkannya?

Perkongsian Mengenai Program Kreatif Seni Sebagai Terapi

S6	Tema-tema yang dipilih untuk program seni sebagai terapi adalah: "Apa Yang Terjadi?", "Kenangan Yang Tidak Dilupakan", "Cinta Hati Saya" dan "Harapan Kehidupan". Apakah pendapat anda mengenai tema ini?
S7	Adakah sesuai jika program ini dijalankan dalam masa 12 minggu di penjara?
S8	Adakah sesuai jika program ini melibatkan 20 orang banduan lelaki dan 20 orang banduan wanita?
S9	Pada pendapat anda, adakah program ini perlu melibatkan banduan lelaki dan wanita berusia antara 21-63 tahun?
S10	Adakah medium seni dan bahan memainkan peranan penting dalam program ini?

S= SOALAN

J= JAWAPAN

DAPATAN TEMUBUAL

Panel 1

Mohd Makzan Musa merupakan seorang pensyarah kanan yang berkhidmat hampir 30 tahun di Program Psikologi & Kaunseling Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial Universiti Utara Malaysia Sintok Kedah. Beliau juga merupakan pengasas MEATA iaitu Malaysian Expressive Art Therapy Association yang ditubuhkan pada tahun 2012 dibawah Jabatan Pendaftaran Penubuhan Persatuan Malaysia yang memperkasakan kaunselor-kaunselor, pegawai psikologi kejururawatan, juru pulih anggota dan sebagainya dalam ekspresif terapi seni. Selain itu, beliau juga mempunyai pengalaman dan pengetahuan luas mengenai terapi seni didalam penjara.

J1

Panel mula menggunakan istilah terapi seni di penjara pada tahun 2010 dan 2011. Antara penjara yang pernah melaksanakan program tersebut adalah Penjara Pokok Sena, Penjara Seberang Perai Jawi dan Penjara Sungai Petani.

J2

Penggunaan item atau bahan seperti kertas dan krayon sebagai medium bagi sesi permulaan mengikut tema yang berbeza setiap minggu.

J3

Ekspresi melalui visual dapat memberi ketenangan kepada diri mereka melalui pendekatan seni.

J4

Teknik penerokaan dan asas kaunseling masih digunakan, tetapi teknik seni lebih menarik kerana ia lebih mudah difahami melalui visual yang dihasilkan oleh banduan.

J5

Penggunaan terapi seni boleh memberikan kesan melalui visual yang dibuat menggunakan kaedah intrapersonal.

J6

Semua tema ini boleh digunakan, tetapi teknik mendekati banduan dalam program ini lebih penting.

J7

12 minggu adalah sesuai, tetapi tema dan medium perlu dipelbagaikan supaya banduan tidak merasa bosan dan dapat menikmati program ini.

J8

Jumlah seramai 20 orang boleh dilaksanakan tetapi harus dibincangkan bersama pengurusan penjara dari segi ruang dan waktu. Selain daripada itu, kesalahan dan tempoh sabitan banduan juga perlu diteliti.

J9

Umur klien perlu diselaraskan antara 20, 30 dan 40 tahun. Faktor kesihatan mereka yang terpilih perlu dititikberatkan supaya dapat menyelesaikan setiap sesi, bermula dari sesi pertama.

J10

Penggunaan medium memainkan peranan dan mempunyai kesan yang berbeza. Bahan-bahan dan penggunaan medium perlu diseragamkan untuk menjadikannya lebih menarik, contohnya gabungan antara 2D dan 3D bergantung kepada pilihan peribadi banduan tersebut.

Panel 2

Saralah Devi merupakan seorang pensyarah kanan Program Psikologi & Kaunseling Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial Universiti Utara Malaysia Sintok Kedah. Beliau telah melaksanakan kajian berkenaan “Kesan intervensi PSIKO-POSITIF terhadap tingkah laku agresif, kemurungan dan kecenderungan berubah Penghuni Muda Penjara” didalam pengajian Doktor Falsafah. Selain itu, beliau juga menggunakan pendekatan terapi seni sebagai medium dalam kaunseling, khususnya di penjara.

J1

Panel mempunyai 10 tahun pengalaman mengendalikan banduan. Seni kreatif berfungsi lebih baik untuk banduan berkongsi perasaan mereka jika dibandingkan dengan sesi kaunseling.

J2

Panel yang merangka aktiviti melukis supaya banduan dapat meluahkan perasaan secara bebas dan menerangkan penghasilan lukisan atau penulisan bagi menarik minat mereka.

J3

Merangka dengan menggunakan modul dan rawatan yang sesuai. Banduan akan rasa teruja dan ini dapat membantu mereka untuk berkongsi masalah.

J4

Menggunakan kuasi eksperimental sama ada kuantitatif atau kualitatif boleh mengukur kejayaan rawatan di peringkat pra dan pos.

J5

Program ini menjadikan mereka berfikir, menyedari dan meluahkan emosi mereka. Ia dapat membantu mereka untuk berubah.

J6

Panel secara peribadi tidak akan mencadangkan tema yang melibatkan masa lalu banduan tetapi, jika tema sesuai untuk program seni kreatif, ia boleh digunakan.

J7

Rancang dengan baik untuk menguruskan masa dengan pihak penjara kerana jadual waktu dan birokrasi kadangkala mengganggu sesi di sana.

J8

Untuk mendapatkan keputusan yang terbaik, jumlah banduan yang terlibat mestilah jumlah yang besar berbanding dengan jumlah banduan yang sedia ada.

J9

Panel tidak melihat faktor demografi seperti umur, jantina, pekerjaan dan status lain ketika menjalankan kajian. Faktor yang lebih penting adalah sikap klien yang terlibat.

J10

Jalankan ujian perintis terlebih dahulu tentang penggunaan medium dan bahan atas faktor keselamatan. Elakkan risiko penggunaan bahan yang tidak selamat dan mendatangkan bahaya.

Panel 3

Khairul Zakuan merupakan pegawai psikologi di Pusat Koreksional Perlis. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kaunseling di Universiti Utara Malaysia. Selain itu, beliau juga mempunyai 3 tahun pengalaman mengendalikan banduan dengan kaedah terapi seni dalam kaunseling di penjara.

J1

Antara projek terapi yang telah dilakukan adalah dengan banduan kategori penyalahgunaan dadah.

J2

Terapi seni juga dikenali sebagai seni ekspresif dan digunakan sebagai aktiviti penjara. Kertas lukisan dan warna adalah medium dalam kaedah ini.

J3

Banduan meluahkan perasaan di atas kertas melalui lakaran yang terhasil dalam lukisan.

J4

Jabatan penjara menyediakan peralatan mewarna seperti pensil warna, krayon, kertas lukisan dan cat air. Bahan yang digunakan adalah medium bagi banduan untuk meluahkan emosi dan perasaan mereka mengikut tema yang diberikan.

J5

Banduan boleh meluahkan perasaan mereka dengan lebih telus tanpa rasa takut.

J6

Visual secara langsung akan dihasilkan oleh banduan mengikut tema yang diberi, tetapi sesi penerokaan juga perlu dijalankan.

J7

12 minggu boleh dilaksanakan dengan tempoh mingguan, tetapi mempelbagaikan medium perlu dilakukan selain kertas lukisan, contohnya kanvas dan paperbag.

J8

Jumlah 20 orang banduan terlalu ramai dan perlu dikurangkan kerana dikhuatiri sukar untuk dikawal.

J9

Umur tahanan harus berusia kurang dari 60 tahun untuk program ini kerana dikhuatiri mereka yang berusia 60 tahun mengalami masalah kesihatan dan tidak dapat menjalani program ini sepenuhnya.

J10

Penggunaan bahan yang berkualiti juga harus ditekankan supaya program ini berjalan dengan lancar. Alatan tajam dan merbahaya tidak sesuai digunakan, tetapi berus dan pensil dibenarkan dalam keadaan terkawal.

Cadangan Tentatif Program Kreatif Seni Di Penjara Kajang

Program kreatif seni akan dijalankan seminggu sekali selama 12 minggu dan 3 jam setiap sesi di Penjara Kajang untuk banduan lelaki dan wanita.

PENJARA KAJANG (LELAKI & WANITA)			
MINGGU	BAHAN	TEMA	PERALATAN
1	Pen & Buku Nota	Teori: Pengenalan Seni Lukis & Seni Reka (Elemen & Prinsip Rekaan)	LCD Projector
2	Pen & Buku Nota	Teori: Apresiasi Seni (Contoh Karya Pelukis Di Malaysia)	LCD Projector
3	Pen Dakwat	Lakaran Bebas	Kertas Lukisan
4	Pen Dakwat	Lakaran Objek	Kertas Lukisan

MINGGU	BAHAN	TEMA	PERALATAN
5	Oil pastel	Penghasilan Karya bertemakan " <i>Apa Yang Terjadi ?</i> "	Kertas Lukisan
6	Oil pastel	Sesi Sambungan Penghasilan Karya bertemakan " <i>Apa Yang Terjadi ?</i> "	Kertas Lukisan
7	Oil pastel	Penghasilan Karya bertemakan " <i>Kenangan Yang Tidak Dilupakan</i> "	Kertas Lukisan
8	Oil pastel	Sesi Sambungan Penghasilan Karya bertemakan " <i>Kenangan Yang Tidak Dilupakan</i> "	Kertas Lukisan

MINGGU	BAHAN	TEMA	PERALATAN
9	Cat Air	Penghasilan Karya bertemakan " <i>Cinta Hati Saya</i> "	Berus & Kertas Lukisan
10	Cat Air	Sesi Sambungan Penghasilan Karya bertemakan " <i>Cinta Hati Saya</i> "	Berus & Kertas Lukisan
11	Cat Air	Penghasilan Karya bertemakan " <i>Harapan Kehidupan</i> "	Berus & Kertas Lukisan
12	Cat Air	Sesi Sambungan Penghasilan Karya bertemakan " <i>Harapan Kehidupan</i> "	Berus & Kertas Lukisan
13	PEMBENTANGAN		

Rajah 2 Cadangan Tentatif Program

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Hasil temubual berstruktur mendapati bahawa ketiga-tiga ahli panel mempunyai pendapat dan kaedah yang tersendiri berdasarkan pengalaman mereka. Berdasarkan soalan temubual berstruktur yang diberi, ketiga-tiga panel bersetuju bahawa kaedah rawatan melalui penghasilan seni dapat memberi ketenangan kepada banduan di penjara. Terdapat perbezaan pendapat diantara panel dari segi bilangan banduan dan usia yang sesuai untuk melibatkan diri dalam program ini. Temubual khas perlu dilakukan sekali lagi dalam bentuk temubual berkumpulan untuk membincangkan bilangan banduan yang sesuai bagi menyertai program ini.

Temubual berkumpulan perlu dilakukan bagi mendapatkan keputusan dan idea sebulat suara berkenaan aktiviti dalam program ini.

RUJUKAN

- Anderson, K. (2015). Documenting arts practitioners' practice in prisons: 'what do you do in there?' *Howard Journal Of Criminal Justice*, 54(4), 371-383. doi: 10.1111/hojo.12136.
- Beaumont, S. L. (2012). Art therapy approaches for identity problems during adolescence. *Canadian Art Therapy Association Journal*, 25(1), 7-14. doi: 10.1080/08322473.2012.11415557.bibliography. *National Endowment for the Arts. Bibliography.*
- Bowdler, J. (1998). *Art Therapy In Mainstream Primary Schools In The United Kingdom And The United States Of America: Identifying Connections With The Australian Experience.* (Master dissertation). Retrieved from Edith Cowan University Research Online.
- Breiner, M. J., Tuomisto, L., Bouyea, E., Gussak, D. E., & Aufderheide, D. (2012). Creating an art therapy anger management protocol for male inmates through a collaborative relationship. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 56(7), 1124-43. doi: 10.1177/0306624X11417362.
- Brewster, L. (1983). "An Evaluation of the Arts-in-Corrections Program of the California Department of Corrections," http://williamjamesassociation.org/prison_arts/.
- Brewster, L. (2014). The impact of prison arts programs on inmate attitudes and behavior: a quantitative evaluation. *Justice Policy Journal*, 11(2), 1-28.
- Farokhi, M. (2011). Art Therapy In Humanistic Psychiatry. Selection and/or peer-review under responsibility of the 2nd World Conference on Psychology, Counselling and Guidance. doi:10.1016/j.sbspro.2011.10.40
- Gardner, A., Hager, L., & Hillman, G. (2014). Prison arts resource project: An annotated
- Gussak, D. (1997). Breaking through barriers: Advantages of art therapy in prison. In D. Gussak & E. Virshup (Eds.), *Drawing time: Art therapy in prisons and other correctional settings* (pp. 1-12). Chicago: Magnolia Street Publishers.
- Gussak, D. (2007). International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology. *The Effectiveness of Art Therapy in Reducing Depression in Prison Populations*, 51 (4), 444-460.
- Gussak, D. (2009). The effects of art therapy on male and female inmates: Advancing the research base. *The Arts in Psychotherapy*, 36(1), 5-12. <http://dx.doi.org/10.1016/j.aip.2008.10.002>
- Hanes, M. (2005). Behind steel doors: Images from the walls of a county jail. *Art Therapy: The Journal of the American Art Therapy Association*, 22(1), 44-48.
- Kornfeld, P. (1997). *Cellblock visions: Prison art in America.* Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Langelid, T., Maki, M., Raundrup, K., Svensson, S. (Eds.) (2009). Nordic Prison Education, A Lifelong Learning Perspective. Translated by Linda Schenck. Internet: www.diva-portal.org/smash/get/diva2:700745/FULLTEXT01.pdf.
- Levy, B. (1978). Art therapy in a women's correctional facility. *Art Psychotherapy*, 5(3), 157-166.
- LK.Akila & Nandagopal, C. (2015) *An Introduction to Art Therapy and Creativity in Organization's.* Paper presented at the International Symposium on Emerging Trends in Social Science Research (IS15Chennai Symposium). Retrieved from http://globalbizresearch.org/Chennai_Symposium/conference/pdf/C543_Full%20Paper.pdf
- Malchiodi, C. A. (Ed.). (2003). *Handbook of art therapy.* New York: Guilford Press.
- Morgan, C. (1981). Developing mental health services for local jails. *Criminal Justice & Behavior*, 8(3), 259-262.
- Nguyen, M.-N. (2015). Dubna Psychological Journal. *Art Therapy-A Review of Methodology* 4 (c), 29-43.
- Pamulet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor
- Pratt, R.R. (2003), *The Arts In Healthcare Movement In The United States Concept Paper Symposium* Washington Dc.
- Rubin, J. A. (2001). *Approaches to Art Therapy: Theory & Technique. Second Edition.* New York: Brunner-Routledge.
- Schrift, M. (2006). "Angola Prison Art: Captivity, Creativity, and Consumerism," *Journal of American Folklore, Summer 2006, vol. 119, no. 473, pp. 257-275.*
- Ursprung, W. (1997). Insider art: The creative ingenuity of the incarcerated artist. In D. Gussak & E. Virshup (Eds.), *Drawing time: Art therapy in prisons and other correctional settings* (pp. 13-24). Chicago: Magnolia Street Publishers.